

# CTSB NEWSLETTER

## WHAT'S HAPPENING?



### 1. PEMBENTANGAN DEMO SISTEM DI DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (DBKU)

10 April 2023

Satu sesi pembentangan kepada Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) telah dijalankan. Pembentangan tersebut adalah termasuk modul Kewangan, Hasil dan Sumber Manusia. Respon demo yang positif dan baik dari DBKU kepada pihak CTSB untuk menjalankan projek tersebut dan bekerjasama dalam masa yang terdekat ini!



Ts.Dr.Nik Normunira Bt Mat Hassan (UTHM- FTK Pagoh) bersama En. Ikhwan

### 2. UTHM - KAJIAN BERKENAAN PELUANG PEKERJAAN DALAM BIDANG ROBOTIK

28 April 2023

UTHM Holdings Sdn Bhd telah dilantik oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) bagi menjalankan kajian berkenaan peluang pekerjaan masa hadapan dalam bidang robotik.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti permintaan industri terhadap modal insan dalam bidang robotik pada masa akan datang.

Kajian ini juga akan melihat padanan antara permintaan dan penawaran tenaga kerja, tahap pengurusan risiko dan langkah kawalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan seterusnya menjawab kepada persoalan sama ada penawaran sedia ada boleh menampung permintaan industri dalam bidang berkenaan.

Hasil kajian ini akan membantu pihak JKKP dalam mengenalpasti sumber tenaga kerja pada masa hadapan yang memiliki pengetahuan dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi menyokong industri berkaitan robotik di Malaysia

### **3. POTLUCK HARI RAYA MSC CYBERPORT DAN CYBERSOLUTION TECHNOLOGIES SDN BHD**

---

15 Mei 2023 (Isnin )

Jamuan potluck hari raya bagi kesemua staf dan pengarah syarikat MSC Cyberport Sdn Bhd dan Cybersolution Technologies Sdn Bhd diadakan di The Gig @ Cyberport Level 30. Sambutan yang baik dan bertambah meriah dengan adanya persembahan dari live band NJ and Osman Rawa Musical. Pelbagai juadah yang menyelerakan antaranya adalah Soto, Roti Jala, Kuih Muih, Spegetti dan pelbagai lagi.



### **4. PEMBENTANGAN DEMOSTRASI DI PBT LABUAN**

23 Mei 2023 (Selasa)

Satu sesi pembentangan kepada PBT Labuan telah dijalankan. Pembentangan tersebut adalah termasuk modul Kewangan, Hasil dan Sumber Manusia. Respon demo yang positif dan baik dari mereka kepada pihak CTSB untuk menjalankan projek tersebut dan bekerjasama lebih baik selepas PBT Labuan membuat perbincangan dalaman berkenaan proses perolehan.





#### **4. SESI LATIHAN MODUL LESEN 3.0 MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKU)**

28/05/2023 – 30/05/2023 (Ahad-Selasa)

Sesi latihan bagi Modul Lesen 3.0 di Majlis Perbandaran Kulai dijalankan kepada pegawai jabatan pelesen dan pegawai kaunter perkhidmatan dan pembayaran. MPKu adalah PBT pertama yang menjalankan Modul Lesen 3.0 ePBT Negeri Johor.

**BIG APPLAUSE & GOOD JOB TEAM! KEEP IT UP**